

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 2016

DASAR PEMBERIAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA (LPS) DAN PERMIT DISATUKAN BAGI TUJUAN PENGAMBILAN BAHAN BATUAN DI BAWAH SEKSYEN 69 KANUN TANAH NEGARA 1965.

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 03/2016 yang bersidang pada 16 Februari 2016 melalui Kertas Bil.11/2015/D 17(42) telah meluluskan dasar Pemberian Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan permit disatukan bagi tujuan pengambilan bahan batuan di bawah Seksyen 69 Kanun Tanah Negara 1965 sebagaimana berikut:-

- 1.1. Pembukaan kawasan pengambilan batuan dibekukan pada semua permohonan secara individu/syarikat dan hanya akan dibuka secara terancang oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 1.2. Bagi kawasan pengambilan pasir kerajaan akan mengenalpasti kawasan pengambilan pasir yang sesuai mengikut pandangan teknikal untuk dibuka dan ditawarkan kepada mana-mana pengusaha pasir yang berminat dan berkeelayakan.
- 1.3. Pengambilan bahan batuan yang melibatkan sungai hendaklah juga mendapat kebenaran dibawah Enakmen Sungai dan Parit 1935.
- 1.4. Pertimbangan kepada pengusaha-pengusaha yang layak akan diputuskan melalui satu jawatankuasa peroperasian pasir yang keanggotaannya terdiri daripada :-

Pengerusi - YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Ahli - YB.Dato'Penasihat Undang-Undang Negeri

- YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri
 - YABrs Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran.
 - YABrs.Pengarah Jabatan Alam Sekitar.
 - YABrs. Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa.
- Setiausaha - YABhg.Dato' Pengarah Tanah Dan Galian
- Dijemput - YABrs. Pentadbir Tanah berkaitan (jika perlu)
- hadir

1.5. Tugas dan tanggung jawab jawatankuasa ini adalah:-

1.5.1. Untuk mengenalpasti kawasan pengambilan pasir yang sesuai untuk diangkat bagi pertimbangan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri(PBN).

1.5.2. Menimbang dan memperakukan permohonan pengambilan pasir untuk diangkat pertimbangan PBN.

1.5.3. Merangka apa-apa prosedur yang sesuai dengan peruntukan undang-undang sebagai syarat pemberian LPS dan prosedur pengambilan pasir serta kadar bayaran pengeluaran permit dan royalti.

1.5.4. Melaksanakan apa-apa arahan PBN dari masa kesemasa.

2. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Tersebut .



 DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, D.P.S.K (Kelantan)
 PENGARAH TANAH DAN GALIAN
 KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB.Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato'Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato'Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB.Dato'Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL NO : PTG.KN.1/2/25(3)
BERTARIKH : 15 JAMADILAKHIR 1437H
24 MAC 2016**